

LAWATAN UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP) KE UNIVERSITAS SYIAH KUALA (UNSYIAH)

Lawatan kerja Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) ke Universitas Syiah Kuala (UNSYIAH) Aceh, Indonesia yang terdiri daripada Dekan Pusat Hal Ehwal Antarabangsa Dato'Prof. Dr. Jamaludin Mohaidin, Dekan Pusat Pengajian Alam Sekitar Dr. Khairul Nizar Ismail dan Dekan Kejuruteraan Prof Madya Abdul Rahman Mohd Saad telah diadakan selama 3 hari yang bertujuan mempertingkatkan hubungan yang sedia terjalin di antara kedua-dua universiti.

Perkara utama yang dibincangkan pada lawatan kerja ini antaranya, program pertukaran pelajar (program sarjana muda) dan juga berkaitan penyelidikan. Melalui perbincangan ini, kerjasama di dalam bidang Agroteknologi untuk padi dicadangkan. Hal ini kerana, Aceh dan Perlis mempunyai persamaan iaitu padi merupakan sumber pertanian yang utama.

Pusat Pengajian Bioproses dan Pengarah Unit Pembangunan Agroteknologi memainkan peranan yang penting di dalam merealisasikan kerjasama ini.